

Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289
Jamadilakhir / Rejab 1440 — Mac 2019
Bil: 11/2019



Hierarki Model dalam Penggunaan Islam

Ikhtilat:
Dalil Naqli
Berkaitannya

Puisi
“Integriti”

Teguran
dan
Nasihat

Komunikator Terbaik

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Shahril Anuar Abdul Ghalim
Nurul Nisha Mohd Shah
Nuruul Hidayah Mansur
Nurul Azlin Binti Tokiman
Mu'allim Mohd Bakri
Fakrulnizam Bin Jafri

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
bulletin.acis.n9@gmail.com
muallim@ns.uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keenam-belas atau siri kesebelas yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Hierarki Model dalam Penggunaan Islam*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Hierarki Model dalam Penggunaan Islam (3)
- ⇒ Teguran dan Nasihat (6)
- ⇒ Ikhtilat: Dalil Naqli Berkaitannya (8)
- ⇒ Puisi: "Integriti" (10)
- ⇒ Komunikator Terbaik (11)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Hierarki Penggunaan Barang dan Perkhidmatan dalam Islam

Oleh : Nuruul Hidayah Binti Mansor

(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Nurul Azlin Binti Tokiman

(Pensyarah Teknologi Makanan UiTM Kampus Kuala Pilah)



Penggunaan merupakan peringkat terakhir dalam hierarki barang dan perkhidmatan selepas proses pengeluaran dan pemasaran. Dalam ekonomi Islam pengguna dan pengeluar mempunyai hubungan yang saling memerlukan walau-pun mempunyai peranan yang berbeza dari segi kegiatan ekonomi. Pengguna mempunyai berbagai kehendak untuk dipenuhi dan memenuhi kepuasan dalam sesuatu penggunaan.

Penggunaan dalam Islam sesuatu yang istimewa kerana pengguna Islam tertakluk kepada matlamat sehingga penggunaanya akan memberikan keberkatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Demikian pengguna Islam akan

melengkapkan rangka kerja tindakan ekonomi Islam dengan menekankan prinsip kebenaran/hak Allah, kebersihan/kesucian barang, kesederhanaan, manfaat dan kemaslahatan serta etika dalam penggunaan.

Konsep barang dan perkhidmatan dalam Islam tidak memisahkan elemen kebendaan dan kerohanian. Kedua-duanya berada dalam keseimbangan. Prinsip penggunaan Islam menjadi panduan kepada pengguna Islam untuk memilih dan menentukan barang. Barang yang bolehguna, berfaedah, bermanfaat, bukan barang terlarang sahaja dianggap sebagai barang kepenggunaan dalam Islam (Surtahman & Sanep Ahmad, 2005).

Ekonomi Islam meletakkan perbincangan pilihan keutamaan barang dan perkhidmatan dalam rangka kerja ekonomi dengan kriteria yang berbeza.

| Hierarki Kepenggunaan Barang/ Perkhidmatan | Barang keperluan hidup | Barang keperluan asas | barang keperluan kecekapan | barang keselesaan | barang mewah | barang merbahaya / merosakan. |
|--|------------------------|-----------------------|----------------------------|-------------------|--------------|-------------------------------|
| Mannan (1980) dan Muslehuddin (1980) | | √ | √ | | √ | |
| Afzal-ur Rahman (1975) | | √ | √ | √ | √ | |
| Sadeq (1987) | √ | √ | | √ | √ | √ |
| Surtahman dan sanep ahmad | √ | √ | √ | √ | √ | √ |

Selari dengan tingkat keperluan berikut, pengguna Islam turut dicadangkan untuk menitikberatkan panduan syariah dalam kepenggunaan. Penulis melihat bahawa hierarki penggunaan ini juga perlu selari dengan tujuan dan pemeliharaan maslahah. Prinsip pemeliharaan maslahah adalah satu disiplin ilmu yang digariskan dalam ilmu usul al-fiqh sebagai panduan memberi keutamaan dalam memelihara prinsip syariah dalam kehidupan dan untuk diaplikasi

sepanjang masa dan zaman. Memelihara hierarki kepenggunaan barang dan perkhidmatan perlu merujuk kepada tingkat keperluan sama ada keperluan tersebut berada dalam hierarki daruriyyah, hajiyyah atau tafsiniyyah.

1. Daruriyyah: Merangkumi perkara-perkara yang menjadi keperluan asas demi memelihara kepentingan agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Perkara-perkara ini perlu dipelihara dan diberi perhatian demi

kewujudan dan kelangsungan hidup yang sejahtera kerana tanpanya kehidupan manusia akan binasa. Justeru, keutamaan penggunaan perlulah merujuk kepada keperluan yang membawa kepada pemeliharaan lima asas kehidupan berikut.


2. Hajiyah: Tahap keperluan yang bersifat menghilangkan kesulitan dan kesempitan serta mendapatkan kemudahan dalam hidup. Contohnya keperluan terhadap kenderaan dan telefon bimbit/ smartphone untuk urusan sehari-hari. Perkara-perkara seperti ini syariah telah memberi perhatian demi mencapai kesejahteraan kepada

manusia.

3. Tahsiniyyah: Tahap keperluan dalam aspek kesempurnaan dan keselesaan hidup. Dalam hal ini ia menggambarkan bahawa Islam juga tidak mengabaikan aspek penambahbaikan untuk mencapai tahap yang lebih selesa dalam kehidupan. Kepenggunaan terhadap barang-barang mewah atau barang keselesaan tidak ditolak dalam Islam selagi mana ia tidak membawa kepada sifat pembaziran, kikir dan sompong. Begitu juga bukan daripada barang dan perkhidmatan yang haram di sisi Islam.

Pelaksanaan pemilihan keutamaan dalam hierarki penggunaan barang dan perkhidmatan dijelaskan melalui model cadangan pada gambarajah 1.

Gambarajah 1: Model Cadangan Hierarki Maslahah Penggunaan Barang dan Perkhidmatan dalam Islam



Teguran dan nasihat

Oleh : Fakrulnizam Bin Jafri

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Mediia Kampus Rembau)



Terdapat peribahasa menyatakan “bagai menelan mestika embun” yang membawa maksud seseorang perlu mendengar nasihat yang mengandungi kebaikan dan manfaat daripadanya. Perkataan nasihat merupakan berasal dari bahasa Arab yang memberi pengertian setiap insan yang menerima atau dinasihati tersebut mendapat keistimewaan dan faedah hasil amal jariah pemberinya yang ikhlas membantu kerana Allah S.W.T.

Ada juga misalan yang menggambarkan manfaat istilah nasihat tersebut

diumpamakan seperti seseorang yang membantu ingin menolong memberi kebaikan kepada orang lain sepetimana mahukan kebaikan kainnya dengan menyulam jarum dan benang jahitannya apabila kain tersebut terkoyak.

Selain itu, istilah nasihat tersebut dalam bahasa Arab membawa gambaran seperti seseorang seperti mengambil dan menapis manisan. Dengan erti kata yang lain seseorang yang berperanan memberi nasihat perlu memilih perkataan yang terbaik dan diperhalusi dengan sebaik mungkin kepada orang yang ingin dinasihatinya agar tidak timbul kesan buruk yang tidak diingini hasil dari niat yang tulus ikhlas penasihat. Kepentingan konsep nasihat ini telah mendapat perhatian sehingga Allah S.W.T telah berfirman di dalam Surat Al-'Asr (Ayat 1-3) yang membawa maksud: ***Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.***

Masa yang telah dianugerah oleh Allah S.W.T amat berharga dan tiada galang gantinya jika dipersiakan tanpa sebarang pengisian yang berfaedah

kepada kegunaan peribadi mahupun kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Empat sifat yang tersurat daripada Surah Al-'Asr tersebut adalah keimanan, amal soleh, berpesan dengan kebenaran, dan bersabar. Faktor tersebut dapat membentuk sifat peribadi Muslim yang terbaik sebagai asas panduan dalam kehidupan berpandukan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W.

Islam sebagai agama yang menyeluruh dan sempurna bukan sahaja memfokus kepada ibadah seperti solat, puasa, berzakat, menunaikan Haji, dan sebagainya tetapi turut menyeru Umatnya agar bekerjasama, berkasih sayang serta bantu-membantu antara satu sama lain agar memperoleh kejayaan di dunia mahupun di akhirat kelak.

Umat Islam perlu saling tegur-menegur dan nasihat-menasihati dari sebarang kesalahan, kekhilafan dan ketelanjuran yang berlaku dalam masyarakat dengan berpandukan adab serta tatasusila berpandukan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W agar dimanfaat dan digunakan dengan cara terbaik demi kemaslahatan dan kesejahteraan bersama.

Teguran yang membina dan tidak mengaibkan orang yang dinasihati perlu dilaksanakan dengan berhemah dan tertib agar perhubungan yang dijalin tidak dicemari dengan unsur negatif seperti perselisihan faham, berkecil hati dan lebih buruk pergaduhan kerana tidak dapat diterima akal seseorang yang bergelar Muslim sejati.

Pembentukan akhlak serta peribadi yang unggul bermula dari unit kecil dalam



masyarakat, iaitu dengan pemantapan institusi kekeluargaan dan berkembang kepada unit sosial yang lebih besar lagi merentas masyarakat dalam dan luar negara. Sebagai Muslim yang tertib dan bertata susila tinggi perlu mengamalkan teguran dan nasihat yang berguna antara satu sama lain agar perpaduan dan keharmonian terjalin dengan eratnya menjadi contoh serta teladan berguna kepada kaum dan agama lain.

Akhirnya, pengisian berupa teguran dan berguna perlu dilaksanakan dengan sifat yang sabar tanpa putus asa dan secara "istiqmah" dalam melaksanakan tanggungjawab sesama insan agar mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah S.W.T. Semoga artikel nasihat ini bakal mendapat manfaat kepada seluruh pembaca hasil sedikit rezeki perkongsian yang diilhamkan kepada penulis oleh Allah S.W.T.

Jarum terpatah disimpan peti,
Kerna menjahit kain menimbun,
Nasihat sepatah sukar dimengerti,
Menjadi penawar beribu tahun.

Ikhtilat: Dalil Naqli Berkaitannya

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

- 1) Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 53 yang bermaksud : ***Apabila kamu minta dari perempuan akan sesuatu maka hendaklah kamu minta dari balik tabir iaitu dari suatu sekatan di antara kamu dengan perempuan itu.*** Al-Imam Qurtubi di dalam tafsirnya menafsirkan firman Allah SWT ini mengatakan terdapat dalil yang menunjukkan bahawa Allah SWT mengizinkan wanita mukminah menguruskan permasalahan mereka melalui belakang tabir samada masalah itu merupakan keperluan-keperluan yang mendatang atau masalah-masalah hukum yang memerlukan fatwa.
- 2) Firman Allah SWT dalam Surah Nur ayat 30 yang bermaksud: ***Katakanlah kepada orang lelaki yang beriman : "Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat".*** Dalam ayat al-Quran ini jelas menunjukkan bahawa Islam sangat menitik beratkan soal penglihatan. Sekiranya soal penglihatan telah dititik beratkan sedemikian apatah lagi dalam perkara pergaulan dan percampuran lelaki dan wanita.
- 3) Dalil yang ketiga merupakan hadis Nabi Muhammad SAW :

((يَا عَلِيٌّ لَا تَتَبَعُ النَّظَرَةَ فَإِنَّمَا لَكَ الْأُولَى وَلَا يَسْتَدِعُكَ الْآخِرَةُ))

Maksudnya : ***Wahai 'Ali janganlah pandang yang kedua menurut pandangan yang pertama kerana sesungguhnya pandangan pertama itu adalah bagimu sedang yang kedua tidak (dosa ke atasmu).*** Hadis Nabi SAW ini juga jelas menunjukkan bahawa larangan kepada melihat untuk kali kedua kepada wanita yang ajnabi kerana pandangan kedua itu biasanya mempunyai niat yang tidak baik.

- 4) Dalil yang keempat juga merupakan hadis Nabi Muhammad SAW :

((لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِالْمَرْأَةِ وَلَا تَسَافِرُونَ امْرَأَةٌ وَمَعَهَا مَحْرُمٌ))

Maksudnya: "*Tidak boleh bersunyi seseorang dari kamu dengan perempuan dan tidak boleh bermusafir seorang perempuan melainkan bersamanya muhram*". Hadis Nabi SAW ini jelas menerangkan bahawa larangan bersunyi seorang lelaki dan wanita dan larangan bermusafir bagi seorang wanita kecuali bersama-sama mahram dari keluarganya.

5) Kaum wanita juga tidak diwajibkan keluar jihad kecuali ada keizinan daripada suaminya atau walinya. Bahkan, golongan wanita juga tidak diwajibkan haji kerana jihad yang bagi mereka adalah menunaikan haji. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina 'Aisyah :

(قلت يا رسول الله نرى الجهاد أفضل الأعمال)

أفلا نجاهد؟ فقال لكن أفضل الجهاد حج

مبرور

Maksudnya : **Telah berkata Saidatina 'Aisyah : Ya Rasulullah, kami melihat merupakan amalan yang paling baik, adakah kami perlu berjihad? Maka berkata Rasulullah : tetapi jihad yang lebih baik bagi kamu adalah haji yang mabrur.** Hadis di atas menjelaskan bahawa jihad yang sebaik-baiknya bagi golongan wanita adalah haji mabrur.

Kelima-lima dalil ini jelas menunjukkan tentang larangan ikhtilat antara lelaki dan wanita. Bukan setakat lima dalil ini sahaja, bahkan

banyak lagi dalil-dalil dan bukti-bukti yang jelas menunjukkan larangan berlakunya ikhtilat. Antaranya, larangan wanita daripada menghadiri solat berjemaah sekiranya boleh mendatangkan fitnah.

Selain itu, Islam juga telah mengkhususkan beberapa hukum untuk golongan wanita ketika menunaikan ibadah haji bagi mengelakkan berlakunya ikhtilat antara lelaki dan wanita. Daripada segala dalil-dalil dan beberapa tegahan ini jelaslah menunjukkan bahawa betapa Islam begitu menitik beratkan soal ikhtilat kerana perkara ini boleh mengundang malapetaka. Namun begitu, seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa Islam juga tidak pernah mengongkong penganutnya sehingga mereka tidak boleh bermasyarakat. Tapi, segalanya mempunyai batas-batas seperti yang dinyatakan di dalam buletin sebelum ini.



Puisi: "Integriti"

Oleh : Fakrulnizam Bin Jafri

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)

Kusam wajahmu pudar serimu
Usah dibiar genggaman terlepas
Peganglah dengan bersungguh hati
Pujuklah hati insafi diri
Wahai insan carilah keyakinan

Qalbu yang suci idaman insan
Ilmu, iman dan amalku bersaksi
Kempen slogan bukanlah ukuran
Tinggallah hafazan santapan minda
Carilah ilmu pembentuk nurani

Menjelajahi akal tiada sempadan
Hati kosong tiada peneman
Perasaan sayu jati diri terancam
Wahai insan carilah kebenaran

Menjerit, kelu tiada aturan
Berbunyi,sunyi tanpa hentinya
Akal teguh tetapkan kendiri
Carilah ilmu pembentuk Makrifat

Sifat Wasathiyah idaman insan
Bekalan dunia mahupun akhirat
Tulus dan utuh peribadi dambaan

Ke mana terhakis ertinya maksud
Wahai integriti cahayamu dirindui
Kasihani kami merajakan diri
Berkat Hidayah Milik Ilahi
Allah Ya Robb...Ampuni kami.



Komunikator Terbaik

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Mediia Kampus Rembau)



Setiap individu yang dilahirkan ke dunia ini adalah ahli komunikasi. Hal ini kerana setiap hari bahkan setiap saat kita akan berkomunikasi dengan orang lain. Komunikasi yang berlangsung merangkumi aspek bahasa lisan dan juga bahasa bukan lisan. Bahasa lisan adalah apa sahaja yang dituturkan oleh seseorang individu; contohnya apabila kita berbual dengan seseorang. Manakala bahasa bukan lisan pula adalah gerakan, perilaku, mimik muka, intonasi suara dan lain-lain (selain bahasa bertuturan) dalam

menyampaikan mesej kepada penerima maklumat.

Seorang komunikator atau penyampai maklumat mempunyai tanggungjawab yang sangat besar. Mereka perlu mengambil tanggungjawab ke atas segala apa yang telah mereka sampaikan kepada orang lain. Oleh itu, mereka perlu memiliki ciri-ciri yang bakal dikongsikan ini supaya setiap maklumat yang disampaikan dapat diterima baik oleh semua.

Ciri paling utama yang perlu ada pada setiap komunikator adalah sifat



jujur dalam menyampaikan maklumat. Mereka perlu sentiasa sedar bahawa tugas mereka adalah menyampaikan kebenaran kepada individu lain. Mereka tidak boleh menokok-tambah atau dengan sengaja mengada-adakan cerita semata-mata untuk mencari perhatian. Amanah yang dipikul ini perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Komunikator wajib menyampaikan kebenaran kepada individu lain dan memastikan bahawa maklumat yang disampaikan dapat diterima baik dan difahami sepenuhnya oleh penerima maklumat tersebut. Keadaan ini penting bagi membolehkan mereka menerima maklum balas seperti yang diharapkan.

Selain itu, seorang komunikator yang terbaik perlu sentiasa mempertingkatkan penguasaan ilmu komunikasi. Kebanyakan daripada kita sering mengambil mudah apabila menyentuh tentang ilmu komunikasi walaupun sebenarnya kita tahu bahawa bidang komunikasi ini amat subjektif. Komunikator yang terbaik perlu menguasai kaedah penyampaian dan gaya bahasa yang sesuai dengan penerima

maklumat tersebut. Cara penyampaian nasihat kepada remaja pastinya berbeza dengan cara nasihat kepada orang yang lebih berusia daripada kita.

Komunikator yang terbaik juga akan sentiasa menjaga bahasa badan ketika sedang menyampaikan sesuatu maklumat. Hal ini kerana bahasa badan yang sesuai dapat meningkatkan pemahaman terhadap informasi yang disampaikan. Bahasa badan juga menunjukkan keikhlasan sewaktu berbicara dengan orang lain. Komunikator yang hebat pastinya akan sentiasa membuat “rehearsal” bahasa badan seperti senyum dan pandangan mata untuk sentiasa kelihatan natural terutamanya ketika berbicara.

Seorang komunikator yang hebat perlu sentiasa berlapang dada dalam menerima kritikan sewaktu tampil berbicara di hadapan khalayak. Mereka tahu dan sedar bahawa mereka tidak dapat memuaskan hati semua pendengar. Niat yang tulus ikhlas dalam menyampaikan kebenaran atau ilmu menjadi objektif utama. Mereka menjadikan kritikan atau maklum balas yang diterima sebagai sumber penilaian diri bagi membantu mereka memperbaiki dan mempertingkat kemahiran dalam berkomunikasi.

Kesimpulannya setiap manusia adalah ahli komunikasi yang terbaik. Cuma kadang-kala, pelbagai cabaran yang dihadapi membuatkan mereka tersasar daripada objektif utama iaitu menyebarkan kebaikan dan kebenaran kepada orang lain. Walau bagaimanapun, mereka masih boleh membuat pilihan untuk kekal menjadi komunikator terbaik dan sentiasa bersedia untuk melakukan kebaikan walau di mana juga mereka berada.